

Headline	Kaji 1,000 spesies tumbuhan Gunung Ledang untuk perubatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	244 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,867
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,601



Kaji 1,000 spesies tumbuhan Gunung Ledang untuk perubatan

LEDANG 22 Nov. - Kerajaan sedang menjalankan kajian terhadap lebih 1,000 spesies tumbuhan di Gunung Ledang dan hasil penemuannya akan didokumentasikan serta dikomersialkan bagi tujuan perubatan dan kosmetik.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, kajian saintifik berkenaan bagi mengenal pasti nutrisi, potensi, kelebihan, keistimewaan dan kegunaannya.

"Penyelidikan dan kajian ini secara khusus melibatkan saintis dan kepakaran daripada Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Usaha ini bermula awal bulan ini dan mengambil masa selama enam bulan untuk meneroka Gunung Ledang yang kaya dengan khazanah alam yang belum diterokai dan dieksploitasi sepenuhnya," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Khidmat Masyarakat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Kampung Orang Asli Tanah Gembur dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pegawai Kebajikan Orang Asli Ledang, Suzilla

Baki; Pegawai Pendidikan daerah, Md. Rashidi Md. Dom dan Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Prof. Madya Dr. Ahmad Esa.

Hamim yang juga Ahli Parlimen Ledang berkata, terdapat banyak tumbuhan khususnya herba dan akar kayu di kawasan hutan Gunung Ledang yang tinggi nutrisi serta khasiatnya, tetapi belum dikaji dan dikomersialkan sepenuhnya.

Beliau berkata, penduduk di Gunung Ledang terutamanya masyarakat Orang Asli menggunakan herba itu sebagai sumber perubatan tradisional sedangkan nilai perubatannya amat tinggi dan pelbagai.

Terdahulu dalam ucapannya, Hamim meminta masyarakat Orang Asli membantu saintis berkenaan menjalankan kajian itu kerana mereka mengetahui tumbuhan yang berkhasiat dan memberikan manfaat.

"Saya harap masyarakat Orang Asli memecahkan tradisi dengan tidak hanya mengetahui kegunaan tumbuhan secara tradisional, sebaliknya membongkar kehebatan pelbagai spesies tumbuhan ini secara saintifik," ujarnya.



HAMIM SAMURI menggunakan sumpit ketika merasmikan Program Khidmat Masyarakat UTHM di Kampung Orang Asli Tanah Gembur, Ledang, Johor, semalam.